

MENGAJAI KEBERKESANAN BAHAN BANTU MENGAJAR BERSIFAT KONTEKSTUAL DENGAN MENGGUNAKAN ONGCARD SIN TERHADAP KANAK-KANAK BAJAU LAUT

Rabiatul Syuhada Abdullahⁱ, Siti Nur Diana Abdⁱⁱ & Christina Sim Pei Peiⁱⁱⁱ

ⁱ Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, IPGM Kampus Tawau, Malaysia. 956-25-rabiatulsyuhada@epembelajaran.edu.my

ⁱⁱ Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, IPGM Kampus Tawau, Malaysia. 960-25-sitinurdiana@epembelajaran.edu.my

ⁱⁱⁱ Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, IPGM Kampus Tawau, Malaysia. christinasim@ipgm.edu.my

Abstract: Kajian ini bertujuan untuk menarik minat kanak-kanak Bajau Laut mempelajari huruf Al-Quran Rasm Uthmani iaitu huruf Sin (س). Bahan bantu mengajar “OngCard Sin” digunakan untuk memperkenalkan huruf Sin (س). Penggunaan “OngCard Sin” ini membantu kanak-kanak Bajau Laut mengecam bentuk huruf Sin (س). Selain itu, huruf Sin (س) juga diperkenalkan melalui kaedah nyanyian “Sialinu” agar kanak-kanak Bajau Laut dapat menyebut huruf Sin (س) dengan tepat, jelas dan betul. Kaedah ini turut memudahkan guru pelatih dan kanak-kanak Bajau Laut berkomunikasi sepanjang proses pembelajaran dilaksanakan. Pendekatan kualitatif dan bentuk kajian tindakan dipilih untuk melaksanakan kajian ini. Persampelan bertujuan dipilih sebagai peserta kajian kerana sasaran utama adalah golongan kanak-kanak Bajau Laut yang terlibat dalam program Madrasah Terapung. Seramai lapan (8) orang kanak-kanak Bajau Laut dipilih yang terdiri daripada dua (2) orang lelaki dan enam (6) orang perempuan. Kaedah temubual dan pemerhatian digunakan untuk mengumpul data kajian. Protokol temubual dan borang catatan pemerhatian digunakan sebagai instrumen dalam pengumpulan data. Hasil pemerhatian dan temubual yang dijalankan, kanak-kanak Bajau Laut sangat tertarik untuk belajar huruf Al-Quran sepanjang

tempoh pembelajaran dan berjaya menguasai huruf Sin (س) dari aspek mengenal pasti, mengecam, mengingat serta menyebut dengan tepat, jelas dan betul. Kajian ini berharap agar bahan bantu mengajar “OngCard Sin” dan nyanyian “Sialinu” dapat diaplikasikan dalam teknologi sebagai satu bentuk pendekatan pembelajaran abad ke-21 kepada kanak-kanak Bajau Laut.

Keywords: huruf sin (س), bajau laut, huruf al-Quran, lagu, inovasi.

Abstract: The purpose of this study is to attract Bajau Laut children to learn a word Sin (س) from the Rasm Uthmani Al-Quran Letters. “OngCard Sin” was used as a teaching aid to introduce letter Sin. The usage of “OngCard Sin” also is to assist Bajau Laut children to identify the shapes of the letter Sin. Besides, letter Sin was also introduced through singing the “Sialinu” song approach to ensure the children were able to pronounce letter Sin accurately, clearly and correctly. Additionally, throughout the learning process, this strategy facilitates communication between trainee teachers and Bajau Laut children. Qualitative approach and action research design was used for this study. Purposive sampling was chosen for the sampling since the participants of this study were Bajau Laut children who took part in the floating madrasah program. The total of eight (8) Bajau Laut children were selected consisting of two (2) boys and six (6) girls.

Interview method and observation were used to collect the data. Interview protocols and observation note forms were used as instruments in data collection. Result from the observation and interviews conducted, the Bajau Laut children were very interested in learning the letters of the Al-Quran throughout the learning period and successfully mastered the letters Sin (س), from the aspects of identifying, recognizing, remembering, and pronounce it accurately, clearly and correctly. This study aims to provide Bajau Laut children with a 21st-century learning method by using the teaching aids "OngCard Sin" and singing "Sialinu" through the use of technology.

Keywords: letter sin (س), Bajau Laut, Quranic letters, song, innovation.

PENGENALAN

Research-Based Education adalah kaedah pengajaran dan pembelajaran menggunakan kajian-kajian penyelidikan. Pendekatan penyelidikan yang terdiri daripada gabungan teori pembelajaran yang berkenaan pentakrifan permasalahan, pengumpulan data dan penafsiran data terbukti berjaya sebagai pembelajaran yang berkesan (Qian M. & Karen R. Clark, 2016). Nur Aisya Asyikin Mohd Zurita dan Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2022) menyatakan bahawa ilmu yang benar dan salah dapat dibezakan dengan bijak oleh mereka yang memiliki pengetahuan asas agama yang baik. Oleh itu, mengamalkan pendidikan bercorak penyelidikan atau kajian adalah penting dalam mempertahankan akidah terutama sebagai seorang guru yang memiliki peranan yang besar dalam memupuk asas akidah yang benar semenjak dari kanak-kanak lagi.

Menurut NurNabila Najah Nozlan dan Rosnah Jamba (2023), salah satu suku yang lebih menyukai untuk tinggal di lautan berbanding di darat dinamakan sebagai Bajau Laut, yakni sebuah suku dari rumpun keluarga bahasa Bajau. Masyarakat Bajau Laut tidak diiktiraf sebagai warganegara Malaysia yang menjadikan mereka tidak

berpeluang membangun dalam aspek pendidikan. Etnik ini sebahagian dari mereka menganut agama Islam namun tidak berupaya membaca Al-Quran. Hal ini dapat dikaitkan dengan keadaan mereka yang agak sukar didekati (Saidatul Nornis Mahali, 2020). Oleh yang demikian, demi membina hubungan yang baik dengan mereka bagi membantu mereka mempelajari huruf Al-Quran, pembelajaran kontekstual dan Model Kemmis dan MC Taggart telah digunakan sebagai model kajian.

Antara ciri pembelajaran kontekstual menurut Rio Sumarni dan Abd Aziz Sahat @ Ashari (2007) ialah sewaktu pengajaran dilaksanakan, para pelajar didedahkan dengan aktiviti-aktiviti yang membolehkan mereka mengaplikasikan aktiviti dalam kelas dengan aktiviti di luar. Melalui pembelajaran kontekstual, murid-murid berupaya menemukan idea yang abstrak dengan kemahiran fizikal dunia luar. Kesannya, pembelajaran yang dilaksanakan lebih bermakna.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

a. Objektif kajian

1. Menarik minat kanak-kanak Bajau Laut mempelajari huruf sin (س) menggunakan bahan bantu mengajar "OngCard Sin".
2. Membantu kanak-kanak Bajau Laut mengecam bentuk huruf sin (س) dengan menggunakan bahan bantu mengajar "OngCard Sin".
3. Membantu kanak-kanak Bajau Laut menyebut huruf sin (س) dengan tepat, jelas dan betul melalui kaedah nyanyian "Sialinu".

b. Persoalan kajian

1. Adakah bahan bantu mengajar "OngCard Sin" mampu menarik minat kanak-kanak mempelajari huruf sin (س)?
2. Adakah kanak-kanak Bajau Laut dapat mengecam bentuk huruf sin (س) dengan menggunakan bahan bantu mengajar "OngCard Sin"?
3. Adakah kaedah nyanyian "Sialinu" membantu kanak-kanak Bajau Laut menyebut huruf sin (س) dengan tepat, betul dan jelas?

METODOLOGI KAJIAN

Bagi memastikan keberkesanan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta bahan bantu mengajar mencapai objektif pembelajaran, kaedah model Kemmis dan MC Taggart telah diaplikasikan sebagai langkah penelitian tindakan yang dijalankan. Tahap tersebut terbahagi kepada tiga tahap iaitu tahap perancangan (planning), pelaksanaan dan pengamatan (act and observe), dan refleksi (reflect) (Wahyuningtyas et al., 2023).

TINJAUAN MASALAH

i. Temubual

Berdasarkan pengalaman oleh para pensyarah Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, IPG Kampus Tawau serta guru Madrasah Terapung dan beberapa tinjauan terhadap kajian lepas yang dilaksanakan oleh siswa guru PISMP PAI ambilan Jun 2022/2026 IPG Kampus Tawau, pengkaji mendapati bahawa masalah kanak-kanak Bajau Laut ini ialah mereka tidak begitu tertarik terhadap pengajaran dan pembelajaran Al Quran dan mengalami masalah sukar menyebut dan mengingat perkataan terutama perkataan berkonteks Bahasa Arab atau yang lebih tepat konteks Al-Quran .

Masalah ini telah dianalisis melalui temubual di mana pengkaji mendapati kanak-kanak Bajau Laut ini amat sensitif dan jelas dari segi perlakuan mereka bilamana tidak tertarik untuk belajar. Misalnya, mereka memalingkan badan mereka ke arah perahu mereka (tempat tinggal mereka) dan mudah merajuk. Hal ini dapat dikaitkan dengan pedagogi pembelajaran yang mereka jalankan. Justeru, pengkaji merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang bersifat kontekstual untuk menyelesaikan masalah berikut seterusnya mencapai objektif iaitu meningkatkan minat dan motivasi sekaligus memperkenalkan huruf-huruf al-Quran Rasm Uthmani kepada kanak-kanak Bajau Laut.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

5.1 Teknik 1: Teknik “OngCard sin”


Pengkaji memulakan aktiviti PdP dengan memberi penerangan dan arahan dalam Bahasa Bajau kepada kanak-kanak Bajau Laut. Kemudian, pengkaji menyebut perkataan-perkataan yang biasa digunakan oleh penduduk Bajau Laut yang berkait rapat dengan huruf sin (س). Pengkaji menggunakan kad bergambar dan tulisan huruf sin (س) sebagai bahan bantu mengajar. Contohnya, sin (duit), sialinu (adik) dan soklet (coklet). Penggunaan “OngCard Sin” ini memudahkan kanak-kanak Bajau Laut melihat bentuk huruf sin (س) dengan jelas. Teknik ini diulang sehingga kanak-kanak Bajau Laut dapat mengecam bentuk huruf sin (س) dengan baik.

5.2 Teknik 2: Kaedah nyanyian “Sialinu”

Aktiviti PdP diteruskan dengan memperkenalkan nyanyian “Sialinu” yang telah direka cipta oleh pengkaji. Lagu tersebut telah diambil daripada lirik lagu “Kalau rasa gembira, tepuk tangan” kemudian diolah menjadi lirik lagu “huruf sin untuk sialinu (adik), sin (duit) itu kami makai untuk milih soklet(coklet). Nyanyian “Sialinu” tersebut telah dipraktikkan sehingga kanak-kanak Bajau Laut dapat menghafal lagu tersebut dengan baik dan lancar.

DAPATAN KAJIAN

i. Pemerhatian



Rajah 1: Respon dan perubahan tingkah laku kanak-kanak Bajau Laut sepanjang sesi pembelajaran dilaksanakan

Rajah 1 menunjukkan hasil dapatan pemerhatian yang telah pengkaji laksanakan. Berdasarkan pemerhatian di atas, wujud tren perubahan tingkah laku oleh beberapa peserta kajian dari semasa ke semasa sepanjang sesi pembelajaran dilaksanakan. Contohnya, peserta kajian 1, tingkah laku terhadap proses pembelajaran adalah positif, iaitu semakin bertambah penglibatan terhadap pembelajaran huruf Al Quran Rasm Uthmani. Secara keseluruhan, didapati kesemua peserta kajian tertarik terhadap proses pengajaran dan pembelajaran Huruf Rasm Al Quran (س).

ii. Temubual

Jadual 1: Maklum balas kanak-kanak Bajau Laut terhadap aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan

Peserta Kajian	Soalan 1: Apakah perkara yang kamu belajar hari ini?	Kod
	Soalan 2: Apakah yang menyebabkan kamu gembira belajar huruf sin?	
Maklum balas		
PK1	Sin, menyanyi	1
PK2	Huruf sin, menyanyi bersama ustaz	1
PK3	Gambar sialinu, menyanyi	2
PK4	Huruf Sin, nyanyi lagu sialinu dengan ustazah dan kawan-kawan	3
PK5	Belajar huruf sin, menyanyi lagu sialinu	1
PK6	Gambar sin, menyanyi lagu sialinu	2
PK7	Belajar sin, suka nyanyi lagu sialinu	1
PK8	Huruf Sin, nyanyi lagu	2

	Sialinu guna gambar
--	---------------------

Penentuan kod:

1. Faktor guru: Intonasi, gaya yang pelbagai, Nada dan Irama lagu, bahasa
2. Faktor bahan: Warna warni, jelas, mudah dipakai
3. Faktor PdP: Suasana pembelajaran yang meriah dan menyeronokkan

Hasil daripada temubual tersebut, pengkaji telah mengenalpasti bahawa faktor guru lebih mempengaruhi fokus dan keterlibatan kanak-kanak Bajau Laut semasa PdP. Hal ini dapat dibuktikan dengan jawapan yang diberikan oleh kanak-kanak Bajau Laut yang menyatakan bahawa mereka gembira apabila guru menggunakan intonasi dan irama lagu yang menarik semasa aktiviti menyanyi berlangsung. Seterusnya, faktor bahan pula menarik perhatian beberapa orang anak Bajau Laut kerana bahan yang digunakan membantu mereka mengingat lirik lagu Sialinu. Bahan yang disediakan juga mudah dipakai dan berwarna-warni. Akhir sekali, faktor Pdp. Salah seorang anak Bajau Laut memberi tingkah laku yang positif dan ceria ketika lagu Sialinu dinyanyikan oleh guru dan kanak-kanak Bajau Laut yang lain.

KESIMPULAN

Hasil kajian tindakan yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa aktiviti PdP yang dilaksanakan berjalan dengan lancar dan memberi implikasi yang positif kepada kanak-kanak Bajau Laut dalam mengenal, mengecam dan menyebut huruf Sin dengan baik. Keberkesanan aktiviti tersebut dikenalpasti ketara puncanya adalah melalui gambar dan perkataan yang biasa digunakan oleh kanak-kanak Bajau Laut dalam kehidupan seharian. Selain pengkaji, kanak-kanak Bajau Laut juga memperoleh nilai-nilai moral seperti keberanian untuk berada di hadapan khalayak ramai dan bertanggungjawab menyelesaikan tugas yang diberi oleh pengkaji. Pencapaian kanak-kanak Bajau Laut juga semakin meningkat setelah melakukan beberapa set pengukuhan yang dibantu oleh pengkaji.

Akhir sekali, terbukti bahawa penggunaan bahan bantu mengajar bersifat kontekstual, "OngCard Sin" berjaya mengatasi masalah ini. Hal ini sekaligus menggambarkan bahawa pengaruh persekitaran membantu dalam proses kemahiran pembacaan dan pemahaman terhadap Al-Quran. Oleh kerana semua ilmu milik Allah, menjadi sebuah tuntutan dan tanggungjawab kepada semua umat manusia tanpa mengira bangsa dan kewarganegaraan untuk menyebarkan ilmu dengan mengoptimumkan manfaat persekitaran.

RUJUKAN

- Nur Aisya Asyikin Mohd Zurita & Ahmad Zaki Alwi (2022). Penyelewengan Akidah Dalam Ajaran Sesat Di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Islam Dan Masyarakat*, 23(2), 197–206. <https://doi.org/10.37231/jimk.2022.23.2.677>
- NurNabila Najah Nozlan & Rosnah Jamba (2023). Kesedaran Pendidikan Dalam Kalangan Ibu Bapa Masyarakat Bajau Laut, Semporna, Sabah. *International Conference on Educational Leadership and Management*. 1-15
- Qian M. & Karen R. Clark (2016) .Game-based Learning and 21st century skills: A review of recent research, *Computers in Human Behavior*. 63(1). 50-58.
- Rio Sumarni & Abd Aziz Sahat@Ashari (2007). Perlaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Kontekstual Dan Keberkesanan Strategi Hibrid C-C Di Sekolah Menengah Teknik. *International Malaysian Educational Technology Convention*
- Saidatul Nornis Mahali (2020). Inventori Fonem Bajau Laut (Pala'U) Dan Varian Bajau. *Pluralisme Etnisiti Sabah Dan Sarawak*. Universiti Malaysia Sabah. 145-164
- Wahyuningtyas, A. T., Minarti, I. B., & Budiastuti (2023, July). 191. Peningkatan motivasi dan hasil belajar peserta didik kelas VIII

melalui model problem based learning pada materi cahaya dan alat optik. In *Prosiding Seminar Nasional Pendidikan Profesi Guru*. (pp. 1450-14